

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- (a) jumlah pelajar sekolah rendah Tahun 6 yang tidak melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 1; dan
- (b) kesediaan Kementerian untuk meminda Seksyen 29A(2) Akta Pendidikan 1996 untuk menjadikan pelajaran menengah wajib bagi semua rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada September 2019 menunjukkan bahawa terdapat seramai 46,140 orang murid Tahun 6 yang tidak melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 1. Antara sebab yang telah dikenal pasti murid tahun enam tidak melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 1 adalah kerana bekerja, melanjutkan pendidikan di institusi pendidikan swasta, melanjutkan pengajian ke sekolah agama/ pondok dan institusi pendidikan lain, masalah keluarga, dan meninggal dunia. Statistik transisi murid cicir daripada Tahun 6 ke Tingkatan 1 di Malaysia menunjukkan trend yang menurun iaitu 4.94 peratus pada tahun 2016 ke 3.19 peratus pada tahun 2018.

KPM juga telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu murid-murid yang berisiko untuk cicir iaitu Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2018 untuk semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. GPMBC ini mempunyai objektif bagi memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.

- (b) Berkaitan cadangan meminda Seksyen 29A(2) Akta Pendidikan, 1996, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan draf Rang Undang-Undang (RUU) Pendidikan (Pindaan) – Pendidikan Wajib 11 Tahun kepada murid-murid bermula sekolah rendah sehingga tamat sekolah menengah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau bagaimanapun, draf RUU tersebut hanya akan dibentangkan di Parlimen setelah Laporan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan selesai diteliti dan diambil kira oleh KPM.

Sekian terima kasih.